

SULIT
21
Sejarah
Ogos
2003
1 1/4 jam

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2003

PENILAIAN MEMENGAH RENDAH

SEJARAH

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan.
 2. Jawab semua soalan.
 3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
 4. Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan anda. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan hitamkan pilihan anda yang baru.
-

Untuk **soalan 1 hingga Soalan 50**, tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan.

Pilih satu jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan dan **hitamkan** ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.

Soalan 1 berdasarkan maklumat di bawah.

1

- Peristiwa yang bermakna
- Tepat dan benar
- Sebab dan akibat

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A** ciri-ciri sejarah
- B** fakta sejarah
- C** pengertian sejarah
- D** sumber sejarah

Soalan 2 berdasarkan maklumat di bawah.

2

- Sungai Emas
- Pangkalan Bujang
- Jenderam Hilir

Apakah ciri persamaan antara petempatan awal di atas?

- A** Pusat kegiatan agama
- B** Pelabuhan entrepot
- C** Kerajaan maritim
- D** Pangkalan tentera

Soalan 3 berdasarkan pernyataan di bawah

3

Kedatangan utusan Maharaja China ke Melaka yang diketuai oleh Laksamana Yin Ching pada tahun 1403 dan Laksamana Cheng Ho pada tahun 1409 telah memberi peluang baik kepada Parameswara

Peluang baik tersebut memberi manfaat kepada Melaka untuk

- A** menjalin persahabatan dengan kerajaan China
- B** menyebarkan agama Islam ke negara China
- C** mendapat perlindungan daripada musuh-musuhnya
- D** menangkis ancaman Orang Laut.

Soalan 4 berdasarkan maklumat di bawah.

4

- Hukum Kanun Melaka
- Undang-undang Laut Melaka

Kedua-dua undang-undang di atas digubal bertujuan untuk

- I memastikan perdagangan berjalan dengan lancar
 - II menjamin keamanan dan kestabilan negeri
 - III menjadikan Melaka sebuah negara yang kuat
 - IV memperkenalkan sistem cukai yang sistematik
- A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

Soalan 5 berdasarkan maklumat berikut.

5

Melaka

- Kembayat
- Benggala
- China

Andaikan anda seorang pedagang yang datang ke Melaka, apakah jenis barang dagangan yang boleh anda peroleh dari ketiga-tiga negara di atas?

- A Candu
B Kain
C Minyak wangi
D Kapas

Soalan 6 berdasarkan dialog di bawah.

6

Sultan : Beta mahu tuan hamba menghantar rombongan perdagangan ke China. Beta minta tuan hamba uruskan dengan segera!
Pembesar X : Titah tuanku patik junjung.

Berdasarkan dialog di atas, siapakah pembesar X?

- A Laksamanan
B Temenggung
C Syahbandar
D Penghulu Bendahari

- 7 Siapakah Sultan yang bertanggungjawab menjadikan Melaka sebagai pusat pengajian Islam?
- I Sultan Muzaffar Syah
 - II Sultan Mansur Syah
 - III Sultan Iskandar Syah
 - IV Sultan Mahmud Syah
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

Soalan 8 berdasarkan petikan sajak di bawah.

Di bumimu Islam berkembang megah dari
Makkah ke bumimu bertuah masyarakatmu
menyambut dengan mudah “sesungguhnya
Islam itu agama yang indah”

- 8 Apakah yang dapat digambarkan daripada petikan sajak di atas?
- A Melaka menjadi tumpuan pedagang Islam
 - B Melaka menjadi pusat penyebaran Islam
 - C Islam diterima oleh semua pedagang
 - D Islam diterima oleh semua penduduk Melaka.


Soalan 9 berdasarkan pernyataan di bawah.

- 9 Sultan Mahmud telah melancarkan serangan ke atas Melaka sebanyak 3 kali antara tahun 1515-1519 tetapi gagal. Pada tahun 1523, baginda menyerang dan mengepung Kota Melaka selama setahun.

- Serangan yang dilakukan oleh Sultan Mahmud telah
- A melemahkan kedudukan Portugis di Melaka
 - B menggalakkan rakyat Melaka bersatu padu
 - C mendorong Portugis membina kota A Famosa
 - D menyebabkan rakyat Melaka berpindah ke Bentan

Soalan 10 berdasarkan rajah berikut.

10



Portugis, Acheh dan X merupakan kuasa yang terlibat dalam Perang Tiga Segi. X

- A mendapatkan semula Melaka
- B memonopoli perdagangan rempah
- C menguasai perdagangan di Selat Melaka
- D menarik saudagar Islam berdagang.

Soalan 11 berdasarkan pernyataan berikut.

11

Banyak kesan peninggalan Portugis yang dapat kita lihat sehingga kini

Apakah kesan peninggalan yang dimaksudkan?

- I makanan
 - II bahasa
 - III tarian
 - IV alat muzik
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

Soalan 12 berdasarkan maklumat berikut.

12

- Tuhfat al –Nafis
- Aturan Setia Bugis dengan Melayu
- Syair Sultan Abu Bakar

Riau menjadi pusat persuratan Melayu pada kurun ke –18 dan banyak menghasilkan karya sastera. Antara pernyataan berikut, yang manakah benar tentang karya-karya tersebut.

- A Semua karya dihasilkan di Johor.
- B Menceritakan penentangan Bugis terhadap Johor.
- C Mengisahkan persaingan Johor dengan Aceh.
- D Membuktikan kemasyhuran Kesultanan Johor.

Soalan 13 berdasarkan perbilangan berikut.


13

“Sawah yang jinjing,
Pinang yang gayu,
Nyiur yang saka,
Lembaga yang punya.”

Kandungan perbilangan di atas menunjukkan bahawa

- A anak perempuan diutamakan untuk mewarisi harta pusaka
 - B Lembaga ialah ketua suku berdasarkan Adat Perpatih.
 - C masyarakat di Negeri Sembilan bergantung kepada pertanian
 - D harta pusaka ialah milik suku yang diketuai oleh Lembaga
- 14 Yang manakah antara senarai di bawah merupakan tarian kegemaran orang Brunei?
- I Adai-adai
 - II Runsai
 - III Sumazau
 - IV Berdogang
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

15



Rajah di atas menunjukkan peranan Tuai Rumah. Apakah peranannya dalam X?

- A Mengisytiharkan perang
- B Menetapkan hari perayaan
- C Mengetuai upacara pemujaan tuhan
- D Menyara hidup masyarakatnya

- 16 Sultan Abdullah telah membenarkan Francis Light membuka petempatan di Pulau Pinang. Apakah situasi yang menyebabkan baginda terpaksa berbuat demikian?
- A Francis Light telah mendesak baginda
 - B Francis Light telah menggunakan tipu muslihat
 - C Baginda memerlukan bantuan kewangan
 - D Baginda menghadapi pemberontakan kerabat di raja
- 17 Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 telah menyelesaikan perselisihan antara kedua-dua kuasa di Kepulauan Melayu. Syarat-syarat perjanjian tersebut jelas membuktikan bahawa
- A kemerosotan kuasa-kuasa tempatan di gugusan Kepulauan Melayu
 - B Inggeris dan Belanda mengutamakan kepentingan masing-masing
 - C permuafakatan dan tolak ansur antara kedua-dua kuasa
 - D empayar Johor-Riau mula mengalami bibit-bibit perpecahan


18

| Negeri | Sumber ekonomi |
|-----------------|----------------|
| Perak | Bijih timah |
| Selangor | Bijih timah |
| Negeri Sembilan | Bijih timah |
| Pahang | Emas |

Jadual di atas menunjukkan kekayaan hasil galian di negeri-negeri Melayu pada tahun 1870-an. Keadaan ini menyebabkan perubahan dasar luar British. Apakah tindakan yang dilakukan oleh British?

- A British menubuhkan Negeri-negeri Selat
- B British menubuhkan Negeri-negeri Melayu Bersekutu
- C British menempatkan Residen British di negeri-negeri itu
- D British mula campur tangan di negeri-negeri itu

19



Antara berikut, yang manakah sebab membawa kepada peristiwa di atas?

- I Berlaku Perang Kelang yang menjejaskan kegiatan ekonomi
 - II Perebutan takhta di kalangan kerabat Sultan Abdul Samad
 - III Serangan ke atas rumah api di Tanjung Tuan
 - IV Serangan ke atas kapal dagang British berhampiran Kuala Langat
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

- 20
- | | | |
|-------------------|---|--|
| Datu Patinggi Ali | : | Kita harus bersatu untuk membebaskan Sarawak daripada pemerintahan Kesultanan Brunei |
| Penduduk Sarawak | : | Kami setuju! Pangeran Mahkota mesti disingkirkan. |

Berdasarkan dialog di atas, mengapakah penduduk Sarawak menentang Pangeran Mahkota?

- I Beliau mengenakan cukai yang tinggi
 - II Beliau menghapuskan sistem perhambaan
 - III Beliau mengeksploitasi hasil kekayaan Sarawak
 - IV Beliau melaksanakan kerahan tenaga
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

21

| |
|---|
| Sempena perayaan 100 tahun pengambilan Sarawak pada 24 September 1941, Charles Vyner Brooke telah mengisytiharkan perlembagaan Sarawak. |
|---|

Mengapakah Perlembagaan Sarawak 1941 penting kepada penduduk Sarawak?

- A Membela nasib bumiputera
- B Titik tolak ke arah berkerajaan sendiri
- C Penglibatan rakyat dalam pentadbiran
- D Memberikan hak penguasaan ekonomi


22

| | |
|----------|-----------|
| Kudat | Tawau |
| Sandakan | Jesselton |

Kewujudan bandar-bandar baru di Sabah disebabkan oleh

- I perkembangan pertanian dagang dan pembalakan
 - II kemajuan perhubungan
 - III pembentukan pentadbiran yang cekap
 - IV kemasukan buruh-buruh asing
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

23



Mengapakah struktur pentadbiran seperti di atas dilaksanakan di Sabah?

- A Mereka mengamalkan pemerintahan secara demokrasi
- B Mereka menghadapi masalah untuk membayar gaji pegawai
- C Kuasa ekonomi masih berada dalam penguasaan penduduk tempatan
- D Penduduk Sabah masih tebal dengan amalan-amalan lama

24

| | | |
|-------------------|---|--|
| Sultan Kedah | : | Negeri kita telah dijual beli. |
| Sultan Terengganu | : | Ya. Kerajaan Siam seperti penyamun yang menyerahkan sesuatu yang bukan miliknya. |

Berdasarkan dialog di atas, apakah peristiwa yang berlaku pada tahun 1909 sehingga menimbulkan kemarahan sultan Negeri-negeri Melayu Utara?

- A Serangan Siam ke atas Negeri-negeri Melayu Utara
- B Penyerahan Negeri-negeri Melayu Utara kepada British
- C Siam memaksa Negeri-negeri Melayu Utara menghantar ufti
- D Siam menjual sebahagian wilayah negeri tersebut kepada kuasa asing

25

| |
|--|
| Mulai tahun 1902, semua kanak-kanak di Johor diwajibkan bersekolah dari umur 7 tahun hingga 16 tahun. Jika tidak, ibu atau penjaga akan didenda. |
|--|

Mengapakah dasar pendidikan ini dilaksanakan di Johor?

- A Pendidikan penting untuk mencapai kemajuan
- B Membolehkan rakyat Johor memegang jawatan tinggi
- C Sistem pendidikan Johor dapat diperkembangkan
- D Masalah buta huruf dapat diatasi

26

- Dol Said
- Rentap
- Syarif Masahor
- Dato Maharaja Lela

Tokoh-tokoh di atas merupakan pejuang tanah air. Apakah tujuan perjuangan mereka?

- I Hendak mengusir penjajah British
- II Mengekalkan sistem pentadbiran tempatan
- III Mengambil alih kuasa pembesar tempatan
- IV Untuk menuntut kemerdekaan

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

27

Pihak kerajaan telah menyaman mereka. Tok Janggut dan pengikutnya tidak menghiraukan tindakan kerajaan itu. Tok Janggut dituduh oleh British sebagai penghasut.

Apakah isu penting yang menjadi perbalahan antara Tok Janggut dengan British?

- A Pencerobohan tanah
- B Pungutan cukai
- C Penggunaan surat kebenaran
- D Penyebaran agama

28

| Tahun | Peristiwa |
|-------|---|
| 1900 | Mat Salleh terbunuh dalam pertempuran dengan pihak Syarikat |
| 1915 | Antanom bersama-sama 400 orang pengikutnya terkorban di Sungai Selangit |

Apakah kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan peristiwa di atas?

- A Semangat juang yang tidak luntur oleh kegagalan
- B Masyarakat tempatan menentang kemajuan
- C Sumber inspirasi kepada nasionalis seterusnya
- D British menjadi lebih toleran dengan para pejuang

| | | |
|----|--------------------------|--------------------------|
| 29 | Mat Salleh | Terbunuh |
| | Antanum | Terbunuh |
| | Dato Maharaja Lela | Dijatuhi hukuman gantung |
| | Hj. Abdul Rahman Limbong | Dihantar ke Mekah |

Apakah peribahasa yang bersesuaian dengan perjuangan tokoh-tokoh di atas?

- A Biar putih tulang, jangan putih mata
- B Genggam bara api biar sampai jadi arang
- C Menang jadi arang, kalah jadi aibu
- D Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing


30

Pada tahun 1920-an berlaku kemelesetan ekonomi dunia. Pengeluaran getah melebihi permintaan yang menyebabkan harga getah jatuh.

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak British untuk menangani masalah ini?

- I Mengetatkan kawalan kemasukan getah
 - II Mengurangkan pengeluaran getah
 - III Meningkatkan semula harga getah
 - IV Menggantikan tanaman getah dengan kopi
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

31



Berdasarkan maklumat di atas, X mungkin

- A getah perca
- B getah jelutung
- C getah asli
- D getah tiruan

| 32 | Penulis | Karya |
|----|--------------------|------------------------|
| | Ishak Hj Muhammad | Putera Gunung Tahan |
| | Harun Aminurrashid | Melor Kuala Lumpur |
| | Abdullah Sidek | Pertemuan Yang Bahagia |

Tujuan utama penghasilan karya kreatif di atas adalah untuk

- A menyedarkan masyarakat Melayu supaya berusaha
- B menyemai rasa tanggungjawab terhadap keluarga
- C menyemai rasa sayang dan hormat terhadap keluarga
- D mencetus semangat kebangsaan dan benci akan penjajah

33 Perang Pasifik antara Amerika Syarikat, Britain dan Belanda dengan Jepun bermula dengan peristiwa

- A penaklukan Indo-China
- B serangan ke atas Poland
- C pengeboman Pearl Harbour
- D penenggelaman kapal 'Prince of Wales'

34


Jepun gagal memajukan ekonomi Tanah Melayu meskipun pelbagai usaha telah dilaksanakan

Kegagalan usaha Jepun disebabkan oleh

- I serangan pihak Berikat
 - II sekatan terhadap perdagangan
 - III tiada kerjasama penduduk
 - IV kekurangan hasil bumi
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

35

Cecil Clementi Smith
Frank Swettenham
Richard Winstedt



Datuk Panglima Bukit Gantang
Zainal Abidin bin Ahmad
Zaharah Abdullah

Apakah persamaan antara dua kumpulan di atas?

- A Memperjuangkan kemerdekaan tanah air
- B Melancarkan program membanteras komunis
- C Mewujudkan perpaduan antara kaum
- D Menentang pelaksanaan Malayan Union

36

Duduk termenung serta mendengus
Air mata disapu hingus
Melihat Malayan Union berjalan terus
Menandakan bangsa Melayu sudah pupus
Majlis

Puisi di atas menggambarkan rasa tidak puas hati pengarang 'Majlis'
Pengarang tersebut tidak berpuas hati dengan isu yang berkaitan dengan

- A kemasukan imigran
- B penguasaan ekonomi
- C taraf kewarganegaraan
- D halangan berpolitik


37

Rancangan Briggs
Perang Saraf

Kejayaan program membanteras komunis banyak bergantung kepada

- A kerjasama antara rakyat dan kerajaan
- B kewibawaan pemimpin program tersebut
- C bantuan tentera dari negara-negara Komanwel
- D pembubaran Parti Komunis Malaya

38



Sistem Ahli mempunyai persamaan dengan

- A Sistem Jemaah Menteri
- B Jawatankuasa Antara Kaum
- C Jawatankuasa Antara Kerajaan
- D Sistem Pentadbiran Bersama

39 Selepas Dato' Onn Bin Jaffar keluar dari UMNO, beliau telah menubuhkan dua buah parti iaitu

- I Parti Progresif Rakyat
- II Parti Negara
- III Parti Malaya Merdeka
- IV Parti Kebangsaan Melayu Malaya

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

40

| | | |
|--------------|---|--|
| Rosli Dhobie | : | Masa yang kita nantikan sudah tiba |
| Awang Ramli | : | Saya faham maksud awak. Lawatan orang putih durjana itu ke Sibu pada 3 Disember ini, bukan! |
| Rosli Dhobie | : | Ayuh! Jangan bertanggung. Kita susun strategi. Kita akan buktikan kepada orang putih durjana itu ... |


Berdasarkan dialog di atas, apakah yang ingin dibuktikan oleh Rosli Dhobie?

- A Orang Melayu benci kepada orang Inggeris
 - B Orang Melayu mahir dalam persilatan
 - C Orang Melayu pantang dicabar
 - D Orang Melayu rela berkorban untuk negara
- 41 Penyerahan Sarawak kepada British pada tahun 1946 sangat sesuai di kaitkan dengan alasan
- A Sarawak mempunyai banyak sumber bahan mentah yang diperlukan British
 - B ketiadaan pemimpin di kalangan keluarga Brooke yang ingin mentadbir
 - C kerajaan Brooke tidak mampu menangani masalah kemerosotan ekonomi
 - D penduduk tempatan serik dengan kesengsaraan semasa pendudukan Jepun
- 42 Dalam 'keadaan yang tersepit itu', Lee Kuan Yew mendesak Tunku Andul Rahman agar mempercepatkan penggabungan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu

Apakah yang dimaksudkan dengan 'keadaan yang tersepit itu'?

- A Kekurangan bekalan bahan mentah
- B Perkembangan pengaruh komunis
- C Desakan rakyat melalui referendum
- D Kehilangan perlindungan British

43



Parti-parti di atas telah mencapai keputusan yang dipersetujui bersama. Apakah punca yang membawa kepada persetujuan tersebut?

- A menyokong gagasan Persekutuan Malaysia
- B memajukan taraf hidup rakyat Sarawak
- C menentang penyertaan Sarawak dalam Malaysia
- D meningkatkan taraf pendidikan penduduk Sarawak

44

| Negeri | Jumlah perwakilan di Parlimen |
|-----------|-------------------------------|
| Sabah | 16 |
| Sarawak | 24 |
| Singapura | 15 |

Jadual di atas menunjukkan cadangan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (JPPM) mengenai perwakilan di Parlimen. Cadangan tersebut dibuat berdasarkan

- I jumlah penduduk
 - II taraf ekonomi
 - III sokongan rakyat
 - IV keluasan kawasan
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

45

Pada 2 Jun 1996, Malaysia dan Indonesia telah menandatangani satu perjanjian di Bangkok, Thailand. Apakah kesan perjanjian tersebut?

- A Indonesia memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia
- B Indonesia memulakan dasar 'Ganyang Malaysia'
- C Konfrontasi Indonesia dan Malaysia ditamatkan
- D Indonesia bersetuju bergabung dalam Malaysia

46



Apakah persamaan yang terdapat pada ketiga-tiga kumpulan di atas?

- A Mereka dipilih melalui proses pengundian dalam pilihanraya
- B Urusan kenaikan pangkat di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong
- C Mereka tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam politik
- D Mereka terlibat dalam penggubalan undang-undang

| | |
|----|------------------------|
| 47 | Lambang-lambang Negara |
| | Bendera Malaysia |
| | Jata Negara |
| | Lagu Kebangsaan |

Lambang-lambang negara dicipta dengan tujuan untuk

- A menunjukkan kesetiaan kepada raja dan negara
- B menyemai sifat keberanian rakyat mempertahankan negara
- C membentuk semangat sedia berkorban demi negara
- D memupuk perpaduan rakyat berbilang bangsa

| | |
|----|---|
| 48 | Bagi menggalakkan pertumbuhan industri, kerajaan telah memberi pengecualian cukai selama lima tahun kepada pelabur-pelabur asing. |
|----|---|

Keistimewaan ini diberi melalui

- A Kawasan Perdagangan Bebas
- B Akta Galakan Pelaburan
- C Taraf perintis
- D Pelan Induk Perindustrian

| | | |
|----|------|--------------------------------------|
| 49 | 1982 | Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah |
| | 1988 | Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah |

Apakah tumpuan khas yang diberikan dalam pelaksanaan kedua-dua kurikulum tersebut?

- I Memupuk semangat kesukanan
 - II Memupuk semangat kewarganegaraan
 - III Memupuk perasaan bangga kepada negara
 - IV Menekankan disiplin sebagai asas perpaduan
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

50 UNESCO merupakan salah satu daripada badan utama dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Matlamat utama penubuhan UNESCO ialah

- A memperbaiki keadaan buruh dan meninggikan daya pengeluaran
- B meninggikan taraf pengurusan dan kepakaran dalam bidang sains
- C meningkatkan kerjasama dalam bidang pendidikan, sains dan kebudayaan
- D membantu membiayai pelajar melanjutkan pelajaran ke negara maju

Untuk soalan 51 hingga soalan 60, tiap-tiap soalan mempunyai lebih daripada satu cadangan jawapan yang betul. Tentukan tiap-tiap cadangan jawapan itu betul atau salah.

Kemudian pilih satu jawapan yang betul daripada A, B, C dan D

Soalan 51 berdasarkan maklumat di bawah.

- 51**

| |
|---|
| Pembesar X telah meminta pengikutnya membawa anak dan isteri ke medan perang untuk mempertahankan Melaka. |
|---|

Antara berikut, yang manakah pernyataan berkaitan dengan tokoh X?

- I** Anak Bendahara Sri Wak Raja
 - II** Menjadi Penghulu Klang pada tahun 1445
 - III** Dilantik menjadi Bendahara Melaka
 - IV** Pernah menawan Majapahit
- A** I, II dan III
 - B** I, II dan IV
 - C** I, III dan IV
 - D** II, III dan IV

- 52** Manakah yang benar mengenai pernyataan di bawah?

- I** Jengkal ialah jarak di antara ibu jari dengan jari telunjuk
 - II** Hasta ialah jarak dari hujung siku sehingga hujung jari hantu
 - III** Depa ialah ukuran antara dua hujung tangan
 - IV** Tapak ialah jarak di antara tumit dengan hujung jari kaki
- A** I, II dan III
 - B** I, II dan IV
 - C** I, III dan IV
 - D** II, III dan IV

- 53** Yang manakah antara berikut yang mempengaruhi kegiatan politik orang Cina di Tanah Melayu?

- I** Dasar kerajaan Kuomintang di China
 - II** Fahaman komunis di China
 - III** Sistem pendidikan China
 - IV** Corak pemerintahan negara China
- A** I, II dan III
 - B** I, II dan IV
 - C** I, III dan IV
 - D** II, III dan IV

- 54** Ideologi komunis menyusup masuk ke negara kita melalui

- I** sekolah-sekolah Cina
- II** kesatuan buruh
- III** mubaligh-mubaligh
- IV** penerbitan majalah Cina


- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

55 Bagaimanakah penubuhan Majlis Tertinggi Sarawak menguntungkan pemimpin tempatan

- I Berpeluang menuntut kemerdekaan Sarawak
- II Mendapat latihan menjadi pemimpin
- III Dapat mengendalikan pendidikan rendah
- IV Mengawal sepenuhnya belanjawan kawasan masing-masing

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

56




Pada tahun 1963, Malaysia, Filipina dan Indonesia bersetuju membentuk MAPHILINDO. Ketiga-tiga kerajaan di atas bersetuju mengadakan kerjasama dalam politik

- I politik
- II ketenteraan
- III ekonomi
- IV kebudayaan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

57



Siapakah yang menganggotai Bahagian Eksekutif di atas

- I Perdana Menteri
- II Jemaah Menteri
- III Jabatan Kerajaan
- IV Raja-raja Melayu
- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

58 Yang di-Pertuan Agong merupakan ketua negara Malaysia. Apakah tugas-tugas baginda?

- I Pemerintahan tertinggi Angkatan Bersenjata
- II Ketua kerajaan Persekutuan Malaysia
- III Memelihara hak istimewa orang Melayu
- IV Mengisytiharkan darurat
- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

59 Dasar Pensyarikatan Malaysia dilaksanakan dengan tujuan untuk mewujudkan kerjasama antara sektor awam dengan sektor swasta. Ciri-ciri dasar tersebut ialah

- I Persekutuan Malaysia dianggap sebagai sebuah syarikat
- II kerajaan dan swasta sama-sama bertanggungjawab mengurus syarikat
- III perkhidmatan dan perusahaan kerajaan akan diswastakan
- IV keuntungan daripada syarikat akan dikongsi bersama-sama
- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

60 Pertubuhan Negara-negara Berkecuali (NAM) ditubuhkan secara rasmi di Indonesia.

Apakah antara objektif utama pertubuhan tersebut?

- I Menghormati hak-hak asasi
- II Menghormati kedaulatan wilayah semua negara
- III Menubuhkan pakatan ekonomi bersama
- IV Menyelesaikan pertelingkahan antarabangsa secara aman
- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT